



## BRUNEI SIAP SEDIA TERIMA KEDATANGAN PELANCONG ANTARABANGSA

Sektor pelancongan di Negara ini mula memperlihatkan peningkatan jumlah pelancong antarabangsa sejak sekatan perjalanan dilonggarkan secara berperingkat khususnya selepas aktiviti rentas sempadan dibenarkan bermula bulan Ogos tahun ini.

Kebanyakan hotel dan tempat penginapan pelancong serta para penyedia perkhidmatan pelancongan di Negara ini telah mula menerima tempahan dan kunjungan bukan sahaja daripada penduduk tempatan tetapi juga pelancong asing, yang memberikan petanda industri pelancongan semakin kembali pulih ke tahap pra-pandemik. Kadar tempahan bilik oleh pelancong antarabangsa di 15 buah hotel terbesar di Negara ini secara keseluruhannya meningkat daripada 8,271 tempahan kepada 12,406 tempahan iaitu peningkatan sebanyak 50% dari bulan Ogos ke September 2022.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Royal Brunei Airlines (RB), kadar pelancong antarabangsa dijangka akan terus meningkat dengan bertambahnya frekuensi penerbangan serta penyambungan semula penerbangan-penerbangan ke Negara ini dalam beberapa bulan akan datang. Menurutnya lagi, meskipun keadaan industri pelancongan masih belum stabil sepenuhnya, beliau menjangkakan peningkatan yang signifikan dengan adanya pembukaan sempadan di Asia Utara. Beliau seterusnya menekankan peranan Royal Brunei Airlines selaku syarikat penerbangan kebangsaan dalam mendokong Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam meningkatkan jumlah ketibaan pelancong antarabangsa yang merupakan antara komitmen utama syarikat tersebut.

### [RB QUOTE IN ENGLISH]

*"As the national carrier for Brunei, supporting Brunei Tourism's annual target is among RB's top commitments. The increase of RB's flight frequencies and resumptions of flights in the coming months will further boost the number of travellers coming into Brunei. Of course, the industry as we know it, is still very fluid, we anticipate a significant increase of travellers once North Asia borders open" said Captain Sabirin Hj Abd Hamid, Acting CEO of Royal Brunei Airlines.*

Manakala bagi beberapa para penyedia perkhidmatan pelancongan yang berdasarkan komuniti pula ada yang tidak sanggup lagi menerima tempahan disebabkan permintaan yang mendadak khususnya di penghujung tahun disebabkan oleh musim cuti persekolahan bulan Disember. Menurut pengurus Eco Ponies Sdn Bhd, syarikat tersebut telahpun menerima tempahan penuh setiap hari pada setiap minggu sehingga bulan Januari 2023 daripada pengunjung tempatan dan antarabangsa yang majoritinya adalah para pelancong daripada Malaysia, Itali, Barcelona dan Belanda (*Netherland*).

Semasa temubual yang dibuat bersama dengan salah seorang pelancong yang tiba di Negara ini daripada Republik Korea, ....

**[MEDIA TO INSERT INTERVIEW ANSWER FROM KOREAN TOURIST]**

Question: Are you a first-time visitor? If no, what do you like about Brunei Darussalam? If yes, what entice you to come to Brunei? What you hope to see and experience in Brunei?

Menurut Pengurus Syarikat Antara Travel & Tours Sdn. Bhd, para pelancong dari Republik Korea sangat mengagumi keindahan alam semula jadi, langit yang cerah dan suasana aman yang sukar didapati di negara-negara lain termasuk di Korea sendiri. Brunei akan menjangkakan lebih daripada 100 pelancong daripada Republik Korea, yang mana dua lagi penerbangan bercatar dijangka tiba sehingga penghujung November ini. Syarikat tersebut juga mensasarkan lebih banyak pasaran seperti Jepun dan Republik Rakyat Cina di masa akan datang.

Beberapa langkah telah diambil oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan sejak tahun lalu ketika Negara melalui fasa pemulihan COVID-19 dengan membuat persediaan bagi menerima kedatangan pelancong. Antara persediaan tersebut adalah melaksanakan latihan peningkatan kemahiran dan kapasiti bagi pemandu-pemandu pelancong dan para penyedia perkhidmatan pelancongan serta pembangunan infrastruktur seperti pemasangan papan tanda arah pelancongan di derah Temburong, menaiktaraf infrastruktur dan penyediaan papan tanda bagi mempromosikan eko-pelancongan di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak; dan pemasangan papan-papan tanda di Taman Peranginan Tasek Lama bagi aktiviti “*Birdwatching*”.

Menurut Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, meskipun industri pelancongan kini mulai lega dengan kedatangan pelancong dari luar Negara, usaha ke arah mempromosikan pelancongan domestik tetap dipergiatkan bagi memastikan sumber pendapatan pelancongan yang mampan dan berdaya tahan. Sebagai contoh, kempen Kenali Negara Kitani yang sedang giat dijalankan yang melibatkan aktiviti seperti jerayawara, karnival dan kempen KNK di media sosial bagi mempromosikan tempat-tempat pelancongan dan aktiviti-aktiviti *experiential* yang boleh dilakukan bukan sahaja oleh pengunjung tempatan tetapi juga para pelancong antarabangsa.

Disediakan oleh:

**Bahagian Promosi dan Pemasaran**

**Jabatan Kemajuan Pelancongan**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**